



KONSEP HALĀLAN ṬAYYIBAN DAN MAQĀSID SYARIAH DALAM PENYEMBELIHAN HAIWAN: PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

HALĀLAN ṬAYYIBAN CONCEPT AND MAQĀSID SHARĪ'AH IN ANIMAL SLAUGHTERING: A STUDY ON COVID-19 STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) IN MALAYSIA

*¹Mualimin Mochammad Sahid, ¹Mohd Soberi Awang

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author. E-mail: mualimin.sahid@usim.edu.my

ABSTRACT

The slaughtering process that meets the requirements of Shariah is the one that complies with certain conditions, among others: the lawful (*halal*) animals to eat, the animals that have their necks cut with sharp tools, their *halkum* veins (respiratory tract) and *mari'* veins (food channels) are cut, the person who slaughters is a Muslim or *Ahlul Kitab* who do not mention other than the name of Allah SWT when they slaughter. However, during the COVID-19 pandemic, there are conditions and procedures set by the government in addition to the criteria mentioned in the Islamic guidelines. Among them are the need to get approval from the government for the slaughterhouse location, the number of officers who manage the slaughter process does not exceed 30 people per group, the number of sacrificial animals (*korban*) is limited according to the available area, and it should comply with the Standard Operating Procedure (SOP) during COVID-19 pandemic. This article aims to explain the procedure of *korban* slaughtering process during the pandemic and its relation to the concept of *halalan tayyiban* and *maqasid Syariah*. The methodology used in this article is a qualitative research method based on library literature from classical (*turath*) and modern reference sources, by analyzing the research data discussed. The results of the study show that the procedure imposed by the government complies with the concept of *halalan tayyiban* and *maqasid Syariah* in the slaughtering process. The purpose of saving human life by implementing the SOP during the process of slaughtering is prioritized to curb the spread of the COVID-19 virus outbreak. This is based on the principle of Islam which gives the obligatory (*wajib*) i.e. to save lives (*hifz al-nafs*) a priority over the recommended (*sunnah*) i.e. to slaughter sacrificial animals (*korban*). Thus, the government's commands on its people to obey all rules and instructions comply with the concept of obedience to the leader (*ta'ah waliyyul amri*) and it is considered as a collective serious effort to successfully prevent the COVID-19 pandemic that hits the world today.

Keywords: *halalan tayyiban, maqasid syariah, COVID-19 SOP, sacrifice, animal, Malaysia*



ABSTRAK

Penyembelihan yang menepati kehendak Syarak adalah yang mematuhi syarat-syarat tertentu iaitu haiwan yang halal dimakan, haiwan dipotong lehernya dengan alat yang tajam, telah terputus urat *halkum* (salur pernafasan) dan urat *mari'* (salur makanan), serta orang yang menyembelih adalah seorang muslim atau ahli kitab yang tidak menyebut selain daripada nama Allah SWT. Walaubagaimanapun, semasa pandemik COVID-19 terdapat syarat dan prosedur yang ditetapkan kerajaan selain kriteria seperti yang disebut dalam panduan Syarak berkaitan hukum sembelihan. Di antaranya adalah keperluan mendapat kelulusan dari kerajaan untuk lokasi penyembelihan, petugas yang menguruskan tidak melebihi 30 orang sekumpulan, jumlah haiwan korban terhad mengikut keluasan kawasan, dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19. Artikel ini bertujuan menjelaskan prosedur penyembelihan haiwan korban semasa pandemik dan kaitannya dengan konsep *Halalan Tayyiban* dan *Maqasid Syariah*. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini kaedah kajian kualitatif berdasarkan literatur kepustakaan daripada sumber rujukan klasik (*turath*) dan moden, dengan menganalisis data kajian yang dibincangkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa prosedur yang ditetapkan kerajaan menepati konsep *halalan tayyiban* dan *maqasid Syariah* dalam penyembelihan haiwan korban. Tujuan menyelamatkan nyawa manusia dengan melaksanakan SOP yang ditetapkan semasa proses penyembelihan adalah diutamakan bagi membendung penularan wabak virus COVID-19. Ini berdasarkan kaedah Syarak yang mendahulukan perkara wajib iaitu menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) ke atas perkara sunnah iaitu melaksanakan ibadah Korban. Justeru, tindakan kerajaan untuk mewajibkan rakyatnya patuh dan taat terhadap segala peraturan dan arahan adalah berdasarkan konsep ketaatan kepada pemimpin (*ta'ah waliyyul amri*) di samping menjadi usaha dan ikhtiar bersama untuk berjaya mencegah pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia hari ini.

Kata kunci: *halalan tayyiban, maqasid syariah, haiwan korban, S.O.P. COVID-19, malaysia*

Pendahuluan

Perintah melaksanakan ibadah korban telah mula disyariatkan oleh Allah SWT kepada umat Islam bermula tahun ke 2 hijrah, iaitu pada tahun yang sama diperintahkan menunaikan solat sunat kedua-dua hari raya dan juga kefarduan zakat (Ibn al-Athir, 1989: 28). Penyembelihan haiwan korban yang dilaksanakan oleh umat Islam pada tanggal 10, 11, 12 dan 13 Zulhijah setiap tahun merupakan satu ibadah yang utama pada hari-hari tersebut dan menepati sunnah Rasulullah SAW (al-Bukhāri, 2009). yang diteruskan daripada apa yang telah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim AS seperti yang termaktub dalam Surah Al-Saffat, ayat 107. Berlandaskan hal ini, maka umat Islam dengan segala upaya dan dalam apa keadaan sekalipun, berterusan menghidupkan sunnah yang agung ini. Secara tradisinya ibadah ini dilaksanakan secara beramai-ramai di sekitar perkarangan masjid, surau dan di tempat-tempat yang ditentukan (Syeikh Ahmad Faisal, 2015).

Dalam suasana dunia sedang dilanda pandemik COVID-19, segala-galanya telah berubah dan telah mendorong pihak berkuasa menentukan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 khusus dalam perlaksanaan ibadah korban. In bagi membendung wabak berkenaan daripada terus tersebar yang menyebabkan penambahan angka kematian dan mangsa yang dijangkiti, serta dalam masa sama pihak berkuasa tidak berhasrat untuk menghalang umat daripada meneruskan sunnah agung tersebut. Makalah ini akan merungkai permasalahan ini dengan mengemukakan



analisa konsep *halalan tayyiban* dan *maqasid Syariah* yang menunjukkan tindakan kerajaan untuk mewajibkan rakyatnya patuh dan taat terhadap segala peraturan dan arahan berkaitan perkara ini adalah selari dengan kehendak syarak.

Kepentingan Halalan Tayyiban Dalam Makanan Dan Minuman

Mencari makanan yang halal dan baik (*halalan tayyiban*) adalah dituntut dalam Islam. Ini kerana pemakanan yang halal dan baik dapat membentuk fizikal dan mental yang baik. Dalam Islam, makanan yang halal dan haram telah jelas dinyatakan dalam al-Quran dan hadis (Saadan Man & Zainal Abidin Yahya, 2014). Namun, di antara yang halal dan yang haram terdapat perkara samar-samar yang meragukan atau disebut dengan istilah *syubhah*, iaitu perkara yang kebanyakan manusia tidak sedar dan tidak mengambil berat tentangnya. Syarak telah memberi panduan bahawa barang siapa yang berhati-hati daripada perkara-perkara yang samar-samar (*syubhah*) ini, dia telah menyelamatkan agama dan dirinya, seperti yang disebut dalam hadis bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ

Terjemahan: Perkara yang halal itu jelas dan begitu juga perkara yang haram itu jelas. Antara keduanya itu ada beberapa perkara yang masih samar-samar, tidak ramai orang yang mengetahuinya, adakah ia daripada yang halal ataupun daripada yang haram.

(Sahih al-Bukhāri, 2009, hadis nombor 52)

Pengguna Muslim pada hari ini sukar untuk memastikan sama ada sumber makanan yang dijual di pasaran adalah benar-benar halal dan berkualiti atau sebaliknya. Pengurusan penyembelihan yang dilakukan dalam industri pemprosesan makanan hari ini sering disalahtafsirkan atau tidak dipantau sehingga menimbulkan keraguan dan kekeliruan. Banyak kes peniaga menggunakan logo halal palsu tanpa mendapat sijil kelulusan daripada pihak JAKIM telah dilaporkan. Menurut laporan akhbar Berita Harian (20 Jun 2017) sebuah premis penyembelihan dan pemprosesan ayam di Batu 11, Jalan Segari di Segari Manjung, Perak diserbu agensi penguatkuasa kerana didapati menggunakan logo halal palsu pada bungkusan produk keluarannya (Harian, 2017). Terbaharu, lamanweb Astro Awani melaporkan awal bulan Disember 2020 sebuah gudang syarikat daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru, diserbu pihak berkuasa hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup daging sejuk beku dan membuat label dan cap palsu yang kemudiannya akan ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula (Astro Awani, 2020).

Di samping isu logo halal ke atas produk sembelihan, kes pemalsuan logo halal juga telah banyak berlaku untuk produk-produk lainnya. Menurut laporan akhbar Harian Metro (Sabtu 18 Mei 2019), di negeri Melaka sahaja sejumlah 2,576 produk keluaran syarikat pengeluar makanan dirampas dari tiga premis perniagaan. Rampasan tersebut telah dilaksanakan oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas menyalahgunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sementara di Pulau Pinang akhbar Sinar Harian (23 April 2019) pula melaporkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang merampas 27 tan buah kurma



bernilai RM448,000 kerana menggunakan logo halal tanpa kebenaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Berdasarkan fakta ini, cabaran bagi memastikan kehalalan dan kebersihan sesuatu makanan (khususnya produk sembelihan) adalah menjadi cabaran tersendiri bagi umat Islam. Justeru, dengan menetapkan segala prosedur dan syarat-syarat yang ketat oleh pemerintah dapat membantu masyarakat mendapatkan makanan yang halal dan bersih (*halalan tayyiban*) dengan mudah dan tanpa ragu-ragu. Ini kerana mencari yang halal dan baik itu adalah satu kewajipan umat Islam yang membawa kepada kebaikan (*maslahat*) hidup sama ada di dunia mahupun di akhirat. Barangan yang digunakan dalam kehidupan seharian perlu menepati kehendak Syarak iaitu berstatus halal (dibenarkan agama). Namun status halal sahaja tidak mencukupi untuk dapat digunakan, kerana ia juga perlu baik (*tayyib*) bagi memastikan tiada kemudaratan berlaku kepada manusia. Allah berfirman dalam Surah al-Maidah ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal dan baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.

(Surah al-Māidah: 88)

Kaedah Penyembelihan Menurut Syarak

Dalam perkara sembelihan hasnya, terdapat syarat dan kriteria yang perlu ada bagi memastikan daging hasil sembelihan adalah halal dan baik sebelum ia boleh dimakan. Justeru, konsep *halalan tayyiban* adalah wajib dan menjadi asas utama bagi proses penyembelihan yang merangkumi syarat-syarat secara menyeluruh. Ia bermula dengan prosedur awal penjagaan ternakan, proses penyembelihan dengan memastikan ia telah memutuskan urat-urat di leher haiwan dan telah telah mati dengan sempurna, serta pengurusan daging yang meliputi proses pemotongan, penyimpanan dan pembungkusan sehingga sampai kepada pengguna.

Makanan yang halal bermaksud makanan yang dibolehkan atau dibenarkan oleh undang-undang Islam (syarak). Ini bermakna, umat Islam boleh makan hampir kesemua jenis makanan yang dikurniakan Allah di bumi ini, kecuali makanan yang telah diharamkan melalui al-Quran atau hadis.

Dalam ajaran Islam, telah dijelaskan beberapa jenis makanan yang diharamkan atau tidak dibenarkan untuk digunakan. Antara jenis-jenis makanan yang haram untuk dimakan adalah bangkai (termasuk haiwan yang halal dimakan, tetapi tidak disembelih mengikut, darah yang mengalir, daging babi, sembelihan kerana yang lain daripada Allah, haiwan buas yang bertaring, burung yang berkuku tajam, dan haiwan yang beracun).

Dalam senarai tersebut, terdapat empat perkara utama yang telah jelas dinyatakan pengharamannya melalui firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 3: "Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (haiwan yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan haiwan-haiwan yang disembelih kerana yang lain daripada Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan haiwan buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan



(diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan”

Adapun kriteria haiwan buas bertaring dan burung berkuku tajam telah disebut pengharamannya berdasarkan hadis:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنْ السَّبَاعِ، وَعَنْ كُلِّ ذِي مِخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ

Terjemahan: Rasulullah SAW telah melarang memakan semua haiwan buas yang mempunyai taring dan burung yang mempunyai kuku yang tajam.

(Sahih al-Bukhāri, 2009, hadis nombor 1422)

Haiwan buas yang bertaring adalah haiwan pemangsa yang memburu haiwan liar lain termasuklah singa, harimau dan serigala. Burung yang berkuku tajam pula terdiri daripada helang, gagak, dan seumpamanya. Haiwan-haiwan yang disebutkan tadi menerkam atau menyambar haiwan lain, melukakan mangsa dengan taring dan kuku. Di antara hikmah pengharaman jenis-jenis ini adalah kerana luka haiwan akan terdedah kepada kandungan virus berbahaya yang boleh dipindahkan kepada manusia dan boleh membahayakan kesihatan apabila dimakan. Demikian juga jenis haiwan yang beracun, ia jelas keharamannya kerana boleh menjejaskan dan membahayakan orang sekiranya dikonsumsi. Kerana dalam prinsip Syarak telah jelas disebutkan bahawa dilarang atau diharamkan memudaratkan diri sendiri atau orang lain, seperti dalam kaedah *fiqh* berdasarkan hadis Nabi SAW :

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: Dilarang memudaratkan mahupun membalas dengan kemudaratan yang lain.

(Sunan Ibnu Mājah, 2009, hadis nombor 2675)

Di samping berstatus halal (*halalan*), makanan dalam Islam perlu juga berstatus baik (*tayyiban*). Makanan yang *tayyiban* bermaksud makanan yang baik dan bermanfaat. Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai makanan yang berkualiti, selamat, bersih, dan berkhasiat. Justeru, seorang muslim bukan sahaja perlu memastikan makanan yang halal itu telah disembelih dengan cara yang betul dan mengikut panduan syarak, malahan proses penyediaan makanan itu juga perlu bersih dan selamat.

Berdasarkan perkara ini, terbukti bahawa Islam adalah agama yang menitikberatkan persoalan kebersihan dan kualiti makanan dalam kehidupan. Konsep halal yang diperkenalkan Islam adalah standard makanan yang berkualiti, manakala konsep haram menunjukkan sesuatu yang tidak berkualiti kepada tubuh seseorang. Oleh itu, Islam juga melihat kesan pemakanan halal kepada pembentukan sahsiah manusia (tingkah laku, budi pekerti, kejernihan hati nurani) dan kesan terhadap penerimaan doa yang dipanjatkan ke kepada Allah SWT (Muhammad Fathi Yusof & Muizzah Azmi, 2017). Hal ini kerana pemakanan yang ditetapkan dalam Islam adalah berlandaskan konsep menjamin kesihatan tubuh badan dan akal, serta memberi kemudahan dan



menjaga nyawa (*hifz al-nafs*). Justeru, mengambil makanan yang suci, bersih dan berkualiti adalah satu kewajipan seperti yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an seperti dalam Surah al-Nahl.

Tujuan Menjaga Dan Menyelamatkan Nyawa Dalam Maqasid Syariah Serta Kaitannya Dengan Penyembelihan Haiwan.

Maqasid Syariah bermaksud tujuan-tujuan Syariat dalam hukum-hakam yang diturunkan Allah dalam al-Qur'an dan Sunnah bagi kebaikan serta manfaat hidup manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat. Ia meliputi penjagaan lima perkara utama iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasab*), dan harta (*hifz al-mal*) (al-Khadimi, 2014).

Menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) bermaksud memelihara jiwa (nyawa) serta tubuh badan manusia. Segala hukum-hakam yang Allah turunkan mengandungi perintah dan tujuan menjaga perkara penting ini. Oleh itu, Islam telah mewajibkan setiap individu untuk menjaga keselamatan diri masing-masing dan pada masa yang sama melarang keras perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa diri sendiri atau orang lain. Contoh mudahnya, dalam peraturan jalan raya, perlu mematuhi lampu isyarat untuk mengelakkan berlakunya kemalangan. Demikian juga dengan manusia, Allah telah menentukan yang terbaik buat hamba-Nya agar keselamatan diri dan nyawanya terjaga dan terpelihara, iaitu dengan mematuhi segala hukum-hakam dalam Islam. Justeru, wajib bagi seseorang memelihara nyawanya dan nyawa orang, seperti yang disebut dalam al-Qur'an surah al-Maidah ayat 32:

أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا
أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Terjemahan: Bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya, dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya".

(Surah al-Maidah: 32)

Begitu juga dalam surah Al-An'am: 151:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكَُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: ... dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar. Demikian itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahami (nya).

(Surah al-An'am: 151)



Dalam konteks yang lebih umum, menjaga dan memelihara nyawa juga meliputi segala penjagaan dan pemeliharaan perkara-perkara yang berkaitan keselamatan serta kesejahteraan hidup manusia. Dan antara usaha ke arah tujuan ini adalah dengan cara menjaga persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup manusia. Justeru, pemerintahan yang baik dan bertanggungjawab perlu memastikan keamanan dan kestabilan negara terjaga, perpaduan sosial dipelihara, kadar jenayah dalam masyarakat turun atau dibendung, keperluan pekerjaan dipenuhi, pendapatan dan kekayaan serta kesejahteraan diagihkan secara saksama (JAKIM, 2016). Apabila aspek berkaitan nyawa atau hidup manusia tidak terpelihara, maka negara akan menghadapi kemusnahan, manakala ketenteraman dan keamanan pula akan hilang.

Berdasarkan kepada penjelasan ini, tidak menghairankan jika Islam sangat menitikberatkan urusan makan dan minum, kerana ia berkait rapat dengan diri dan nyawa manusia. Salah satunya adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan penyembelihan haiwan. Segala syarat dan prosedur yang menjadi prinsip dihalalkannya haiwan sembelihan adalah ia perlu dalam keadaan (status) seperti yang ditetapkan syarak, iaitu termasuk dalam jenis-jenis haiwan yang dihalalkan (*halalan*) dan juga perlu disembelih serta diuruskan penyediaannya mengikut kriteria baik (*tayyiban*).

Bermula dari penjagaan haiwan ternak yang perlu dipastikan ia dalam keadaan baik dengan hanya memberi makan dari makanan-makanan yang baik dan bersih, sehinggalah penyediaan serta penyimpanan daging-daging hasil sembelihan, proses keseluruhannya adalah bagi memastikan apa yang akan dikonsumsi adalah halal dan baik. Justeru, Islam mengharamkan jenis-jenis haiwan yang hidupnya kotor dan menjijikkan, mengandungi racun dan memudaratkan badan, terdedah kepada penyakit kerana faktor hidupnya yang memangsa haiwan lain dengan taring dan kuku tajamnya, serta disembelih tanpa mengikut prosedur sembelihan Islam yang perlu memastikan urat-urat di leher terputus bagi mengeluarkan darah yang menjadi punca penyakit dan kotoran.

Hal ini semua adalah bertujuan menjaga diri manusia dan memelihara nyawa dari kemudaratan dan kebinasaan, seperti mana telah digariskan oleh Syarak menerusi konsep *hifz al-nafs* (menjaga nyawa) dalam Maqasid Syariah. Sebagai agama *rahmatan lil'alamin* (rahmat bagi seluruh alam), Islam membawa ajaran yang penuh dengan nilai-nilai universal, yang salah satunya adalah menjaga nyawa dan memelihara hidup manusia sama ada sebagai individu mahupun masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam perkara berkaitan sembelihan pula, Islam telah menggariskan beberapa panduan yang perlu diikuti, seperti yang disebut Al-Qur'an dalam surah al-'Anam ayat 118 Allah SWT berfirman:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Maka makanlah daripada (sembelihan haiwan-haiwan halal) yang disebut nama Allah ketika menyembeluhnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayatNya.

(Surah al-An'am : 118)



Penyembelihan yang berpandukan syariat hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti haiwan itu adalah halal dimakan, dipotong lehernya dengan alat yang tajam, terputus urat halkum (salur pernafasan) dan urat mari' (salur makanan), dan orang yang menyembelih itu Islam atau ahli kitab, dan dia tidak menyebut selain daripada nama Allah SWT.

Penyembelihan haiwan dengan cara yang disebutkan di atas dipastikan dapat mencabut nyawa haiwan dengan ringkas dan segera. Ia bagi mengelakkan penyeksaan kepada haiwan, selari dengan prinsip Islam agar manusia bersifat belas kasihan. Umat Islam juga diperintahkan agar menyebut nama Allah SWT bagi membezakan mereka daripada masyarakat jahiliah yang mempersembahkan daging haiwan ternakan untuk berhala-berhala mereka. Haiwan juga merupakan makhluk ciptaan Allah, maka dengan menyebut nama Allah, kita bukanlah berniat membunuh haiwan tersebut sewenang-wenangnya. Selain itu, kita juga diingatkan bahawa Allah yang menundukkan haiwan tersebut untuk manusia, dan kita diberi keizinan-Nya untuk menyembelih haiwan itu untuk dimakan. Haiwan yang tidak disembelih merupakan bangkai dan tidak boleh dimakan (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2014). Sifat manusia secara fitrahnya tidak suka perkara yang jijik dan kotor, maka tidak hairanlah jika manusia yang waras tidak sanggup untuk makan bangkai. Bangkai juga merujuk kepada haiwan yang telah mati secara semula jadi kerana penyakit atau ditimpa bencana. Kita khuatir bahawa daging bangkai ini tidak selamat untuk dimakan.

Ringkasnya, segala perintah dan arahan Syarak, serta keseluruhan syarat atau prosedur berkaitan penyembelihan haiwan adalah bagi tujuan keselamatan nyawa manusia atau kebaikan diri mereka dalam mengharungi kehidupan. Ini sangat bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah dalam menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) yang menetapkan bahawa segala urusan manusia khususnya yang berkaitan hidup mereka dapat dijaga dan dipelihara dari segala yang merusaknya. Jika diri terjaga, nyawa terpelihara dan hidup berlangsung tenang dan baik tanpa ada yang mengganggu-gugatnya, maka tugas sebagai hamba Allah SWT untuk beribadah dapat dilaksanakan dengan mudah dan sempurna.

Garis Panduan Penyembelihan Haiwan Korban Semasa COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda hampir seluruh pelusok dunia hari ini dianggap sebagai musibah dan ujian besar bagi umat manusia. Virus COVID-19 ini dikategorikan satu pandemik yang sangat menakutkan kerana telah membabitkan jutaan mangsa, sama ada yang dijangkiti mahupun yang meninggal dunia. Bahkan negara-negara maju yang mempunyai peralatan kesihatan dan ujian saringan yang canggih sekali pun, tidak terkecuali dari dilanda virus ini serta bertungkus lumus memeranginya. Ini menunjukkan bahawa pandemik ini tidak mengenal bangsa, negara, rupa, warna kulit mahupun status ekonomi.

Di hampir semua negara yang dilanda musibah ini, telah dilakukan segala usaha untuk membendung penyebaran virus dan membuat ujian saringan dengan tujuan memutuskan rangkaian jangkitan. Usaha seperti *lockdown*, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penjarakan sosial, serta melakukan kebiasaan baharu dilaksanakan bagi membantu menghentikan penularan pandemik ini. (Yunus & Rezki, 2020) Seluruh sistem kehidupan manusia telah berubah secara mendadak di segala aspek kehidupan seperti agama, sosial, ekonomi, hubungan antar daerah dan negara, budaya dan lain-lain. Norma-norma dan kebiasaan hidup harian setiap orang telah berubah kerana pengaruh yang luar biasa dari kesan-kesan yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19.



Di antara yang terkesan dengan pandemik ini adalah perkara berkaitan ibadah umat Islam, iaitu amalan ibadah semasa hari raya Aidiladha. Masyarakat diwajibkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa COVID-19 yang ditetapkan oleh kerajaan. Selain perlu mematuhi arahan kerajaan untuk kekal di rumah dan penjarakan sosial serta menghadkan jumlah jemaah yang hadir bersolat di masjid, semasa solat berjemaah yang melibatkan ramai orang, prosedur melibatkan penyembelihan haiwan Korban juga perlu dipatuhi.

Sebagai langkah berhati-hati dan usaha berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan virus COVID-19, kerajaan telah menetapkan prosedur khas yang perlu dipatuhi oleh masyarakat semasa menyembelih haiwan korban (JAKIM, 2020). Bagi tujuan tersebut, pihak kerajaan telah mengeluarkan garis panduan Ibadah Korban Semasa pandemik COVID-19 yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut: (KKM, 2020)

- a. Pertama, tempat dan lokasi penyembelihan, iaitu hanya boleh dilaksanakan di kawasan yang mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN).
- b. Kedua, waktu penyembelihan adalah selepas solat Sunat Aidiladha (10 hari bulan Zulhijah) sehingga 13 hari bulan Zulhijah 1441H.
- c. Ketiga, jumlah dan kapasiti orang yang dibenarkan terlibat dalam proses pengurusan sembelihan tidak boleh melebihi 30 petugas dalam satu kumpulan dan bilangan haiwan korban perlu disesuaikan dengan keluasan kawasan dan keupayaan bilangan petugas yang dilantik.
- d. Keempat, berkaitan aktiviti semasa majlis penyembelihan haiwan Korban dipastikan tiada kehadiran Person Under Investigation (PUI) dan Person Under Surveillance (PUS), serta majlis jamuan perlu berhidang atau dilayan pramusaji dan tidak dibenarkan bufet layan diri.
- e. Kelima, berkaitan protokol pengagihan daging Korban, perlu dilakukan oleh petugas kepada peserta yang ambil bahagian dan fakir miskin yang ditetapkan, serta perlu mematahui Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban, Bilangan 2, Tahun 2013, terbitan JAKIM, dan juga Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 serta Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban (Jabatan Perkhidmatan Veterinar).
- f. Keenam, berkaitan kawalan individu yang hadir semasa majlis, ia perlu membuat pemeriksaan suhu, sanitasi dan rekod kehadiran, memakai pelitup muka dan sarung tangan, menjaga jarak sosial, mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat), tidak bergejala atau berpenyakit kronik, kanak-kanak bawah 12 Tahun tidak dibenarkan hadir, serta perlu mematuhi segala arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, Panduan Ibadah Korban Semasa PKPP COVID-19, tahun 2020)

Selain memastikan segala syarat dan panduan Syarak berkaitan penyembelihan haiwan, aktiviti pelaksanaan penyembelihan haiwan Korban perlu mematuhi protokol dan arahan daripada pihak kerajaan. Seperti yang termaktub dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (KKM, 2020). Garis panduan ini telah ditetapkan oleh kerajaan secara terperinci merangkumi aktiviti dan protokol pelaksanaan penyembelihan haiwan korban, agihan



bahagian daging korban, pemeriksaan daging korban oleh DVS (Jabatan Perkhidmatan Veterinar), serta kawalan penularan dan jangkitan.

Aktiviti dan Protokol Pelaksanaan Penyembelihan Korban

Bagi memastikan segala SOP COVID-19 semasa majlis hari Raya Aidiladha, prosedur dan protokol berikut perlu dipatuhi sebelum diberi kebenaran melangsungkan majlis. Diantara protokol tersebut adalah:

- a) Perlu mendapat Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan permit penyembelihan ternakan dari Pejabat Veterinar Negeri atau Daerah
- b) Tapak penyembelihan yang sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran saluran awam
- c) Melaporkan program korban yang akan dijalankan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- d) Proses sembelihan, melapah dan keratan asas dilaksanakan di lokasi penyembelihan yang dibenarkan
- e) Proses melapah dan proses keratan pembahagian daging korban hendaklah dibuat di tempat yang sesuai dan lapang;
- f) mengelakkan berlakunya 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat).

Aktiviti dan Protokol Agihan Peserta Korban.

Berkaitan pengagihan bahagian peserta korban, ia perlu dilakukan mengikut protokol seperti berikut:

- a. Agihan oleh petugas, iaitu dilakukan dengan menghantar daging korban secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang telah ditetapkan, dan
- b. Agihan dengan kehadiran peserta, iaitu dibenarkan mengagihkan daging korban kepada jemaah yang hadir semasa majlis Korban dengan jumlah kehadiran yang tertakluk kepada keluasan kawasan dengan kekal memastikan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat) tidak berlaku.

Aktiviti dan Protokol Pemeriksaan Daging oleh DVS (Jabatan Perkhidmatan Veterinar)

Pematuhan SOP COVID-19 tidak hanya semasa proses penyembelihan dan aktiviti majlis sahaja, namun perlu dipastikan juga daging hasil sembelihan mendapat pengesahan daripada pihak kerajaan yang berwenang. Justeru, aktiviti dan protokol pemeriksaan daging perlu dijalankan oleh pihak DVS atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bagi memastikan proses penyembelihan yang dijalankan mematuhi Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban.

Aktiviti dan Protokol Kawalan Penularan dan Jangkitan.

Bahagian paling penting yang dititikberatkan semasa majlis penyembelihan haiwan Korban adalah protokol berkaitan mengawal dan memastikan tiada penularan dan jangkitan COVID-19 berlaku. Oleh itu setiap pihak yang mengadakan majlis berkenaan perlu mematuhi segala syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan. Antaranya adalah:



- a. Mengadakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan semua yang hadir ke majlis,
- b. Sanitasi tangan serta rekod kehadiran seluruh jemaah,
- c. memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter,
- d. memakai pelitup muka dan sarung tangan,
- e. mengelakkan daripada berlakunya 3S iaitu bersesak, ruang sempit dan sembang (berbual) dalam jarak yang dekat,
- f. petugas yang dipilih hendaklah sihat, tidak bergejala dan bukan dalam kalangan penghidap penyakit kronik serta bukan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun,
- g. pihak Penganjur hendaklah memastikan bilangan korban adalah bersesuaian dengan keluasan kawasan dan keupayaan bilangan petugas yang dilantik (KKM, 2020)

Prosedur Dan S.O.P. Kerajaan Dalam Penjualan Haiwan Korban Serta Kaitannya Dengan Konsep Halalan Tayyiban Dan Maqasid Syariah

Berdasarkan perincian garis panduan dan protokol serta Prosedur Operasi Standard (SOP yang dikeluarkan kerajaan, menunjukkan secara jelas kepentingan memastikan maslahat (manfaat dan kebaikan) bagi individu mahupun masyarakat, khasnya semasa pandemik COVID-19. Tujuan utama pelaksanaan prosedur dan SOP tersebut adalah untuk memastikan prinsip *Halalan Tayyiban* dan *Maqasid Syariah* ditepati. Justeru, apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan adalah bukan semata-mata mencapai matlamat dan mematuhi norma baharu semasa pandemik bagi membendung penularan atau jangkitan virus COVID-19, namun ia juga menepati kehendak Syarak dalam perkara halal-haram dan tujuan-tujuan hukum-hakam.

Prosedur penjualan mengikut SOP dan garis panduan ibadah korban semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 seperti memastikan haiwan yang sihat, tempat yang bersih, pemeriksaan daging korban oleh jabatan perkhidmatan veterinar, penyediaan dan agihan daging secara terus adalah bertepatan dengan syarat-syarat seperti yang digariskan oleh syarak, iaitu bagi memastikan ia halal dan baik (*halalan tayyiban*). Ini kerana, tidak cukup hanya dengan mengambil yang halal (dibenarkan) oleh Syarak sahaja bagi memenuhi keperluan makan dan minum manusia, tapi perlu juga dipastikan status kebaikannya (*tayyiban*). Demikian juga segala aktiviti dan protokol yang meliputi kawalan penularan dan jangkitan virus COVID-19 dilihat sangat bertepatan dengan konsep Maqasid Syariah dalam menjaga keselamatan nyawa (*hifz al-nafs*). Garis panduan Ibadah Korban yang perlu dipatuhi, seperti: menghadkan jumlah yang hadir, kebenaran bagi yang sihat sahaja untuk dapat menghadiri majlis, pemeriksaan suhu badan, merekod kehadiran dan tidak dibenarkan hadir bagi kanak-kanak di bawah 12 tahun, adalah langkah-langkah bagi memastikan keselamatan diri, sama ada individu mahupun masyarakat dipelihara.

Dalam keadaan seperti di saat pandemik COVID-19 masih lagi melanda dan belum diketahui bila akan hilang, sikap berhati-hati dan berjaga-jaga adalah tepat. Segala norma baharu dan amalan seharian bagi mengelakkan jangkitan, serta membendung penularan wabak yang masih dilihat tinggi di banyak tempat dan negara ini perlu sentiasa diberi perhatian dan keutamaan. Ia bagi tujuan menjaga nyawa dan memelihara keselamatan manusia yang merupakan satu diantara lima keperluan utama yang dijaga dan dipelihara oleh Syarak. Justeru, dibenarkan meninggalkan atau menangguhkan ibadat sunat bagi memberi tumpuan dan keutamaan kepada sesuatu yang wajib. Memastikan nyawa terjaga dan terpelihara, dan



menjauhkan diri dari segala yang merosakkan adalah satu kewajipan yang perlu diutamakan dari perkara-perkara dan amalan sunat seperti ibadat solat hari raya Aidiladha dan ibadat Korban.

Kesimpulan

Sebagai agama yang membawa rahmat (kasih sayang) dan kesejahteraan untuk seluruh alam, Islam mengandungi pelbagai hukum-hakam dan ajaran yang menjadikan manusia sentiasa dalam keadaan baik, sihat serta jauh dari kemudaratan dan kerosakan. Pelbagai usaha kerajaan dan pemerintah dalam menangani wabak COVID-19 yang sedang melanda saat ini perlu disokong dan diteruskan. Ia bukan sahaja sebagai satu langkah penting dalam membendung penularan wabak yang belum dijumpai ubat dan vaksin penawarnya, namun juga sebagai melaksanakan tuntutan Syarak yang wajib dipatuhi. Perintah mencari dan menggunakan segala yang halal dan baik (*halalan tayyiban*) bukan sekadar satu kewajipan agama, malahan ia adalah bertepatan dengan nilai universal dalam menjaga nyawa manusia (*hifz al-nafs*) seperti yang dikandungi dalam konsep *Maqasid Syariah*. Keperluan menjaga nyawa manusia dan menjauhkan mereka dari kemudaratan yang merosakkan tubuh badan adalah lebih utama atau didahulukan daripada mendapatkan manfaat pahala ibadah sunat (solat jemaah Aidiladha dan menyembelih haiwan korban). Prinsip ajaran Islam adalah mendahulukan yang wajib daripada perkara-perkara lainnya yang sunat apatah lagi yang harus (*mubāh*). Justeru, usaha dan langkah-langkah berjaga-jaga oleh kerajaan untuk melindungi masyarakat dari dijangkiti wabak pandemik COVID-19 dengan melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam Ibadah Korban adalah sangat bertepatan dengan ajaran Syarak menerusi konsep *Halalan Tayyiban* dan amalan *Maqāsid Syariah*.

Rujukan

- Al-Bukhāri, Muhamad bin Ismail. (2009). *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Dar Ibnu al-Kathir, Beirut, Lebanon.
- Al-Khādīmi, N. (2014). *ʿIlm al-Maqāṣid al-Syarīah* (5th ed.). Oebikan Publishing.
- Astro Awani. (2020). *Label halal palsu: Kerajaan harus proaktif bongkar kes rasuah babitkan penjawat awam - Salahuddin | Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/label-halal-palsu-kerajaan-harus-proaktif-bongkar-kes-rasuah-babitkan-penjawat-awam-salahuddin-274548> (Diakses pada 9 Januari 2021)
- Berita Harian (2017). *Pusat sembelih ayam guna logo halal palsu*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/06/294964/pusat-sembelih-ayam-guna-logo-halal-palsu> (accessed on 9 January 2021)
- Sinar Harian (2019). *27 Tan Kurma Guna Logo Halal Palsu Dirampas*. Diakses pada 9 Januari 2021 daripada: <https://www.sinarharian.com.my/article/25019/EDISI/Utara/27-tan-kurma-guna-logo-halal-palsu-dirampas>
- Harian Metro (2019). *Tarik 2576 Produk Guna Logo Halal Palsu*. Diakses pada: 9 Januari 2021 daripada: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/05/457106/tarik-2576-produk-guna-logo-halal-palsu>
- Ibnu al-Athīr (1997). *Al-Kāmil fi al-Tārīkh*. cet. 1, Tahqiq: Umar Abdul Salam Tadmuri. Darul Kitab al-Arabi Beirut, Lebanon
- Ibnu Mājah (2009). *Sunan Ibn Mājah*. Tahqiq: Fuad Abd al-Baqi. Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah, Beirut, Lebanon.
- JAKIM. (2020). *Panduan Ibadah Korban Semasa PKPP COVID-19*. JAKIM.



- <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah>
JAKIM (2016). *Prinsip Maqasid Syariah*. Diakses pada: 9 Januari 2021 daripada: <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah> , 2016
- KKM. (2020). *SOP Ibadah Korban PKPP COVID-19*. Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://COVID-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP Ibadah Korban PKPP.pdf>
- Ministry of Health (2020). *SOP Ibadah Korban*. Diakses pada 9 Januari 2021 daripada: <http://COVID-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP Ibadah Korban PKPP.pdf>
- Muhammad Fathi Yusof, S. N. M., & Muizzah Azmi, dan N. F. M. H. (2017). *Teknologi penyembelihan untuk Industri halal di Malaysia*. UiTM. https://people.utm.my/fathi/bab-3-teknologi-penyembelihan-untuk-industri-halal-di-malaysia_dr-fathi-dr-siti_53-76/
- Saadan Man., & Zainal Abidin Yahya. (2014). *Halalkah makanan kita?* PTS Islamika.
- Syeikh Ahmad Faisol bin Haji Omar. (2015). Ibadah Mukmin: Sembelihan. In *Galeri Ilmu Sdn Bhd*.
- Yunus, N. R., & Rezki, A. (2020). Kebijakan Pemberlakuan Lock Down Sebagai Antisipasi Penyebaran Corona Virus COVID-19. *SALAM: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar'i*. <https://doi.org/10.15408/sjsbs.v7i3.15083>